

KENYATAAN AKHBAR

LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2267 3633 Fax: 603-2274 7970 E-mail: media@mida.gov.my <http://www.mida.gov.my>



SIDANG MEDIA TAHUNAN MIDA PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN TAHUN 2006 13 FEBRUARI 2007


KENYATAAN OLEH:

**Y.B. DATO' SERI RAFIDAH AZIZ
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI**

Sektor perkilangan telah berkembang sebanyak 8% dalam tempoh tiga suku pertama tahun 2006, menyumbang sebanyak 32.0% kepada Keluaran Dalaman Negara Kasar (KDNK). Sektor perkhidmatan bukan kerajaan telah tumbuh sebanyak 5.9% dan menyumbang sebanyak 50.7% kepada KDNK.

Indeks Pengeluaran Sektor Perindustrian meningkat sebanyak 7.3 peratus kepada 138.8 dalam tahun 2006 (Januari-November), dengan pertumbuhan hasil daripada peningkatan indeks-indeks pengeluaran bagi 25 daripada 38 industri seperti:

- semikonduktor dan komponen elektronik lain (10.4%);
- kimia dan produk petroleum (7.6%);
- pengilangan makanan (7.5%);
- tekstil dan pakaian (7.3%);
dan
- produk getah (6.4%).



Pertumbuhan produktiviti dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 3.8% dalam tahun 2006 kepada RM436,940 dan disokong oleh pertumbuhan tinggi dalam produktiviti bagi industri-industri terpilih seperti:

- kabel dan wayar telekomunikasi (152%);
- perkakasan domestik (69.2%);
- kelengkapan profesional dan saintifik (67.5%);
- komponen elektronik lain (61.2%);
dan
- kabel dan wayar kuasa elektrik (29.1%).

KELULUSAN BAGI PROJEK-PROJEK PERKILANGAN

Dalam tahun 2006, sejumlah 1,077 projek yang melibatkan pelaburan sebanyak RM46.0 bilion telah diluluskan, berbanding RM31 bilion untuk 1,027 projek bagi tahun 2005. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan merupakan rekod tertinggi setakat ini. Jumlah ini telah melangkaui sebanyak RM18.5 bilion daripada sasaran tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan dibawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Walaupun persaingan global semakin sengit, Malaysia terus berusaha menarik aliran pelaburan asing global, dan ini mencerminkan tahap kos kompetitif negara, sebagai pusat eksport dan perkilangan.

Pelaburan asing dalam projek yang diluluskan dalam tahun 2006 berjumlah RM20.2 bilion, juga merupakan tahap tertinggi yang pernah direkodkan setakat ini, berbanding RM17.9 bilion dalam tahun 2005 dan RM13.1 bilion pada tahun 2004.

Pelaburan domestik dalam tahun 2006 berjumlah RM25.8 bilion atau 56.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, berbanding RM13.1 bilion atau 42.2% pada tahun 2005.

Tahap pelaburan domestik yang diluluskan juga merupakan tahap tertinggi pernah direkod setakat ini, mencerminkan peningkatan penglibatan pelabur-pelabur domestik dalam sektor perkilangan.

Pelaburan yang diluluskan adalah untuk projek baru, dan juga projek pembesaran/pelbaian. Dalam tahun 2006, sejumlah 653 projek baru telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM29.4 bilion atau 64.0% daripada keseluruhan jumlah pelaburan.

Daripada 653 projek baru, yang diluluskan dalam tahun 2006, sebanyak 47 projek, setiap satu melibatkan pelaburan RM100 juta atau lebih, dan pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM20.4 bilion.

Lebih menggalakkan lagi, syarikat-syarikat asing dan domestik yang wujud, terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka di Malaysia. Ini dapat digambarkan dengan kelulusan 424 projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan sebanyak RM16.6 bilion, mewakili 36% daripada keseluruhan jumlah pelaburan. Pelaburan semula oleh syarikat sedia ada merupakan bukti keyakinan yang berterusan para pelabur terhadap persekitaran pelaburan di Malaysia.

Projek berorientasikan eksport juga telah dapat menarik pelaburan yang sewajarnya, mencerminkan tahap kos kompetitif negara sebagai tuan rumah kepada operasi global.

429 projek (39.8%) dengan pelaburan berjumlah RM35.8 bilion, bercadang untuk mengeksport 80% daripada pengeluaran mereka.

Nisbah pelaburan modal ke atas pekerja (CIPE), meningkat dari RM270,000 dalam tahun 2005 kepada RM517,000 dalam tahun 2006, mencerminkan peredaran industri ke arah pelaburan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan modal.

Projek-projek yang diluluskan dalam tahun 2006 akan menghasilkan 88,952 pekerjaan, di mana 66 peratus terdiri daripada pekerja dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja mahir.

PROJEK-PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT INDUSTRI

Dalam tahun 2006, industri produk petroleum mencatatkan tahap pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM11.4 bilion. Ini adalah diperolehi dari kelulusan bagi projek penapisan petroleum dengan pelaburan sebanyak RM7.7 bilion dan projek metanol dengan pelaburan berjumlah RM2.0 bilion. Permintaan yang meningkat ke atas produk petroleum dalam rantau Asia-Pasifik, terutamanya China, menarik minat yang tinggi di kalangan pelabur-pelabur domestik dan asing, terhadap sub-sektor minyak dan gas di Malaysia.

Sepanjang tiga dekad yang lalu, Malaysia telah berkembang menjadi sebuah pusat perkilangan global yang penting bagi industri elektronik. Industri elektrik dan elektronik terus menarik pelaburan yang besar dalam tahun 2006 berjumlah RM10.0 bilion. Daripada 170 projek yang diluluskan, 111

projek (RM8 bilion) adalah untuk aktiviti-aktiviti pembesaran/pelbaian.

Pelaburan yang diluluskan adalah tertumpu dalam:

- komponen elektronik : RM7.6 bilion; dan
- elektronik perindustrian : RM1.4 bilion.

Pelaburan yang telah diluluskan didalam industri kimia dan produk kimia juga telah meningkat dengan ketara, kepada RM9.1 bilion, disebabkan oleh peningkatan minat didalam pengeluaran bio-diesel. Dalam tahun 2006, sebanyak 83 projek dengan pelaburan berjumlah RM7.6 bilion telah diluluskan, dan ini mewakili 83.5% daripada keseluruhan pelaburan didalam sektor ini.

Industri-industri lain yang telah menarik sejumlah besar pelaburan adalah:

- produk logam asas RM2.7 bilion;
- pengilangan makanan RM1.6 bilion;
- kelengkapan pengangakutan RM1.4 bilion;
- produk fabrikasi logam RM1.3 bilion; dan
- pengilangan mesin RM1.3 bilion.

PELABURAN DOMESTIK

Tahap pelaburan yang memberangsangkan daripada sumber domestik menunjukkan peningkatan dalam kemampuan dan kebolehan syarikat-syarikat Malaysia, untuk bersaing dalam pasaran global dan serantau. Syarikat-syarikat Malaysia juga turut mengambil kesempatan dalam peluang perkembangan pasaran yang muncul di rantau ASEAN dan Asia Pasifik.

Syarikat-syarikat Malaysia yang membantu syarikat-syarikat multinasional (MNCs) juga mampu untuk bergabung didalam rantaian bekalan global dan serantau bagi MNC. Ini dapat dilihat dengan jelas didalam industri elektronik. Kecenderungan ini dijangka akan berterusan kerana syarikat multinasional di Malaysia telah berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka.

Pelaburan domestik adalah tertumpu kepada:

- produk petroleum RM10.8 bilion;
- kimia dan produk kimia RM6.1 bilion;
- produk elektrik dan elektronik RM1.4 bilion;
- kelengkapan pengangkutan RM1.2 bilion;
- pengilangan makanan dan RM725 juta;
- produk fabrikasi logam RM709.4 juta.

PELABURAN ASING

Pihak Kerajaan senantiasa menggalakkan para pelabur tempatan dan asing untuk mempertingkatkan aktiviti rantaian nilai dalam industri yang berintensifkan teknologi dengan menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, rekabentuk dan pembangunan, pengedaran dan pemasaran. Pelabur asing telah memberikan maklum balas terhadap inisiatif/strategi tersebut dan kebanyakkan daripada mereka telah menstruktur semula aktiviti-aktiviti syarikat bagi mempertingkatkan mutu operasi mereka di Malaysia.

Sumber utama pelaburan asing dalam tahun 2006 adalah:

	<u>2006</u>	<u>2005</u>
• Jepun	RM4.4 bilion	RM3.7 bilion

• Belanda	RM3.3 bilion	RM1.7 bilion
• Australia	RM2.6 bilion	RM155.9 juta
• Amerika Syarikat	RM2.5 bilion	RM5.2 bilion
• Singapura	RM1.9 bilion	RM2.9 bilion

Sektor elektrik dan elektronik terus menarik jumlah yang terbesar pelaburan asing, sebanyak RM8.6 bilion, atau 42.6% daripada keseluruhan pelaburan. Pelaburan adalah tertumpu dalam industri berteknologi tinggi yang merangkumi penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan pembangunan modal insan.

Pelaburan asing adalah tertumpu dalam industri:

• elektrik dan elektronik	RM8.6 bilion
• kimia dan produk kimia	RM3.0 bilion
• produk asas logam	RM2.3 bilion
• produk galian bukan logam	RM962.2 juta
• pengilangan makanan	RM895.4 juta

PERLAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk membantu dalam perlaksanaan projek-projek perkilangan. Langkah-langkah yang diambil termasuk:

- penubuhan ‘Unit Penyelaras dan Pelaksanaan Projek’ di MIDA;
- pelantikan pegawai-pegawai khas projek di MIDA;
- penubuhan ‘Pasukan Bertindak Khas’ untuk pelaburan berkualiti;
dan
- menukuhan ‘Pusat Sehenti’ di peringkat negeri dan tempatan.

Inisiatif-inisiatif ini diperhatikan telah dapat membantu syarikat melaksanakan projek-projek mereka dengan lebih lancar lagi.

Bagi tempoh 2001-2005, sebanyak 4,812 projek telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 80% atau 3,880 projek dengan pelaburan permulaan sebanyak RM74.7 bilion telah beroperasi. Selebihnya 215 projek dengan pelaburan sebanyak RM25.2 bilion masih dalam pelbagai peringkat perlaksanaan, seperti pemasangan mesin, pembinaan kilang dan mendapatkan lokasi tapak kilang. Bagi projek yang telah diluluskan sejak Januari 2005, sebanyak 1,144 projek telah pun beroperasi.

Pertubuhan Serantau

Dalam tahun 2006, sejumlah 184 pertubuhan serantau telah diluluskan, berbanding 169 dalam tahun 2005. Aktiviti-aktiviti yang diluluskan adalah meliputi:

- Ibu Pejabat Operasi : 27;
- Pusat Perolehan Antarabangsa : 14;
- Pusat Pengedaran Serantau : 7;
- Pejabat-pejabat Serantau : 41;
dan
- Pejabat-pejabat Perwakilan : 95.

Perbelanjaan perniagaan oleh pejabat-pejabat serantau ini adalah dijangkakan berjumlah sebanyak RM950.2 juta setahun.

Malaysia telah berupaya menarik minat beberapa syarikat-syarikat terkemuka antarabangsa bagi menujuhkan Ibu Pejabat Serantau dalam tahun 2006, ini termasuk:

- General Electric (Amerika Syarikat)

- Eppendorf AG (Jerman)
- Aker Kvaerner Group (Norway)
- Nippon Electric Glass and Bridgestone Group (Jepun)
- IBA Health Ltd. (Australia)
dan
- Volvo Cars Malaysia (Sweden)

Malaysia juga dengan pesatnya telah menjadi pusat ibu pejabat serantau bagi syarikat-syarikat dari sektor minyak dan gas. Sekarang, sebanyak 17 syarikat-syarikat minyak dan gas telah pun menubuhkan Ibu Pejabat Operasi mereka di Malaysia, termasuk Baker Hughes, Hess Oil & Gas, Paradigm Geophysical, Technip, SBM Group dan GE O&G Pipeline Solutions.

Penubuhan pertubuhan serantau ini akan memberikan faedah tambahan kepada ekonomi dalam bentuk pekerjaan, permintaan bagi perkhidmatan dan produk buatan Malaysia, dan peluang perniagaan bagi sektor-sektor insuran, perbankan dan logistik.

Penubuhan Pusat Perolehan Antarabangsa dan Pusat Pengedaran Serantau akan memberi faedah kepada Malaysia melalui peningkatan penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan. Nilai barang untuk diekspot oleh Pusat Perolehan Antarabangsa dan Pusat Pengedaran Serantau yang diluluskan dalam tahun 2006 adalah dianggarkan berjumlah RM4.4 bilion.

Operasi-operasi ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia didalam bidang pengurusan dan teknikal dan juga mempertingkatkan rantai dan perhubungan negara dengan ekonomi global.

Syarikat Koridoraya Multimedia (MSC)

Dalam tahun 2006, sebanyak 307 syarikat telah diberikan status MSC dengan pelaburan berjumlah RM2.9 bilion. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM2.0 bilion atau 69% daripada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala pelaburan asing sebanyak RM937 juta atau 31% daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

Daripada 307 syarikat, 228 merupakan syarikat milik rakyat Malaysia, 38 milik asing, dan baki 41 adalah syarikat usahasama.

Sehingga 31 Disember 2006, sejumlah 1,728 syarikat telah diberikan status MSC. Daripada jumlah ini, 1,358 atau 78.6% sedang beroperasi.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN YANG LAIN

Bermula Januari 2006, MIDA telah mula menyelaras serta mengumpul maklumat berkenaan sektor perkhidmatan yang lain. Aktiviti-aktiviti perkhidmatan adalah dikawalselia oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dan statistik yang dikumpul adalah berdasarkan projek-projek yang diluluskan oleh agensi-agensi tersebut.

Diantara Januari dan September 2006, sejumlah 1,385 projek dengan pelaburan RM33.1 bilion telah diluluskan. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM29.9 bilion atau 90.3%, manakala pelaburan asing berjumlah RM3.2 bilion atau 9.7%.

TINJAUAN PELABURAN

Kemasukan berterusan bagi pelaburan domestik dan asing ke dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan adalah hasil usaha Kerajaan dalam mewujudkan persekitan perniagaan yang kondusif.

Kestabilan politik, ekonomi dan sosial di Malaysia merupakan faktor-faktor penting bagi para pelabur untuk membuat keputusan untuk melabur di negara ini. Tambahan pula, langkah-langkah polisi dan inisiatif mesra perniagaan dan pelabur yang sesuai telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membaiki persekitaran perniagaan dalam negara termasuk:

- pelaksanaan strategi-strategi baru dan mengemaskini polisi-polisi sedia ada berdasarkan maklumbalas daripada sektor swasta, samada asing atau tempatan;
- penambahbaikan dalam sistem penyampaian Kerajaan;
- pemasaran yang intensif ke atas Malaysia sebagai destinasi pelaburan bagi negara-negara pengeksport modal;
- pensasaran syarikat-syarikat yang berpotensi di Malaysia dan peringkat global;
- penurunan cukai korporat daripada 28% kepada 27% berkuatkuasa 2007, dan seterusnya 26% pada 2008; dan
- peruntukan insentif-insentif khas bagi pelaburan-pelaburan berkualiti yang dicadangkan oleh pelabur-pelabur domestik dan asing.

Walaubagaimanapun, persaingan global untuk menarik pelaburan asing adalah sengit, terutamanya daripada negara-negara yang menawarkan pasaran meluas dan bekalan buruh yang ramai. Sesetengah daripada negara ini telah

meliberalisasikan rejim pelaburan mereka dan menawarkan pakej-pakej insentif yang kompetitif. Bagi memastikan Malaysia mengekalkan daya saingnya, Kerajaan akan memastikan persekitaran perniagaan kekal menarik.

Satu kajian yang dijalankan oleh ‘Malaysian American Electronics Industry (MAEI)’ pada 2006 menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat ahli mereka merancang untuk terus melabur dalam negara pada tahun-tahun yang akan datang. Antara sebab-sebab yang dipetik ialah:

- kewujudan infrastruktur moden dan rangkaian udara, air dan siber antarabangsa yang baik;
- ikatan perdagangan luar yang cemerlang dengan kebanyakan negara;
- kos beroperasi yang agak rendah;
- tenagakerja yang boleh berbahasa Inggeris dan pekerja yang berkemahiran tinggi;
- kos tidak langsung buruh adalah rendah daripada sesetengah negara; dan
- tenagakerja rakyat Malaysia mempunyai kompetensi operasi yang lebih tinggi untuk membolehkan syarikat mempertingkatkan pengeluaran dengan cepat dan membuat perubahan untuk memenuhi kehendak pasaran.

Lebih banyak syarikat-syarikat ahli persatuan ‘Malaysian American Electronics Industry’ telah memilih untuk memindahkan operasi rekabentuk dan pembangunan mereka ke Malaysia kerana insentif-insentif yang ditawarkan dan kemampuan mereka untuk mempertingkatkan operasi dalam rantai nilai. Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan oleh syarikat-syarikat ahli Persatuan ini dianggarkan berjumlah sebanyak RM1.2 bilion pada 2006.

Keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri baru-baru ini untuk menubuhkan pasukan bertindak yang terdiri daripada 23 ahli dari pihak swasta dan kerajaan, adalah satu tanda kesungguhan Kerajaan untuk mempercepatkan pembaharuan dalam sistem penyampaian awam.

Keputusan Kerajaan untuk menubuhkan cawangan Imigresen di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan memudahkan pengeluaran permit kerja kepada pegawai-pegawai dagang yang bekerja di Malaysia. Di samping itu, penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pelaburan, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, adalah satu lagi inisiatif Kerajaan untuk memastikan projek-projek berimpak tinggi, yang memerlukan pertimbangan khas, diluluskan dengan cepat dan tanpa sebarang karenah birokrasi.

Usaha-usaha agresif akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur asing, dan Misi-misi Perdagangan dan Pelaburan yang dirancang bagi 2007 akan terus mempromosikan negara dan misi-misi ini akan merangkumi negara-negara Amerika Syarikat, Eropah, Asia Timur dan Australia. MIDA melalui pejabat-pejabat rangkaian globalnya dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan yang lain, akan tetap mensasarkan syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menarik mereka melabur di Malaysia.

Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) telah menggariskan strategi dan sasaran bagi pembangunan sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sasaran pelaburan bagi sektor perkilangan ialah sebanyak RM412 bilion atau RM27.5 bilion setahun bagi tempoh IMP3, manakala sasaran pelaburan bagi

sektor perkhidmatan, ialah RM688 bilion atau RM45.9 bilion setahun.

Dalam konteks ini, Kerajaan telah meluluskan penubuhan tiga bahagian baru di MIDA, untuk menyelaraskan aktiviti pembangunan Industri Logistik, Pertubuhan Serantau dan Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional, di samping membolehkan MIDA melaksanakan penggalakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan ini.

Seperti yang disyorkan oleh Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), Kerajaan juga telah menubuhkan 'Malaysian Services Industry Development Council' dan 'Malaysian Logistics Council' untuk menyelaras pembangunan sektor-sektor ini. MIDA merupakan Sekretariat bagi kedua-dua Majlis ini.

Kerajaan akan meneruskan usahanya bagi menggalakkan pelaburan dalam aktiviti-aktiviti perindustrian dan perkhidmatan yang disasarkan. Tugasan yang dihadapi ini adalah amat mencabar, oleh itu sokongan daripada semua Kementerian dan jabatan adalah perlu, sekiranya Malaysia mahu mengekalkan daya saingnya dan terus menarik pelaburan asing dan meningkatkan pelaburan domestik yang tinggi.

Usaha proaktif sektor swasta dalam memberikan maklumbalas kepada Kerajaan, akan membantu meningkatkan tahap sistem penyampaian sektor awam, dan juga dalam merumuskan polisi dan langkah untuk memanfaat komuniti perniagaan.

LAMPIRAN

PECAHAN PELABURAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR UTAMA

Projek-projek yang diluluskan kebanyakannya terdiri daripada industri-industri berikut:

<u>Industri</u>	<u>2006</u>	<u>2005</u>
• Produk petroleum (termasuk Petrokimia)	11.4	0.7
• Produk elektrik & elektronik	10.0	13.8
• Kimia dan produk kimia	9.1	1.7
• Produk logam asas	2.7	3.2
• Pengilangan makanan	1.6	1.5
• Kelengkapan pengangkutan	1.4	1.4
Jumlah	<u>36.2</u>	<u>22.3</u>

PELABURAN DOMESTIK

Projek-projek yang diluluskan kebanyakannya terdiri daripada industri-industri berikut:

<u>Industri</u>	(RM bilion)	
	<u>2006</u>	<u>2005</u>
• Produk petroleum (termasuk petrokimia)	10.8	0.6
• Kimia & produk kimia	6.1	0.9
• Produk E&E	1.4	2.5
• Kelengkapan pengangkutan	1.2	0.9
• Pengilangan makanan	0.7	0.9
• Produk fabrikasi logam	0.7	0.5
 Jumlah	 <u>20.9</u>	 <u>6.3</u>

***PELABURAN YANG DILULUSKAN
MENGIKUT SUB-SEKTOR PERKHIDMATAN***

<u>Sub-Sektor</u>	(RM bilion)	
	Jan-Sept. <u>2006</u>	<u>2005</u>
• Hartanah (perumahan)	13.8	21.8
• Pengangkutan	4.8	11.0
• Perkhidmatan kewangan	3.3	3.3
• Tenaga	3.6	9.3
• Telekomunikasi	3.0	4.8
• Perdagangan pengedaran	2.5	1.7
• Perhotelan & pelancongan	2.1	2.2
• Perkhidmatan kesihatan	0.1	0.02
• Perkhidmatan pendidikan	0.06	0.02
Jumlah	<u>33.1</u>	<u>54.2</u>

***SENARAI PROJEK-PROJEK
PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN
BERKAITAN TERPILIH YANG DILULUSKAN PADA 2006***

Produk petroleum (termasuk petrokimia)

Projek-projek utama yang diluluskan termasuk:

- SKS Development Sdn. Bhd yang akan membina sebuah kilang penapis petroleum mentah dengan kapisiti sebanyak 200,000 tong sehari. Jumlah pelaburan untuk projek ini adalah sebanyak RM7.68 bilion.
- Petronas Methanol (Labuan) Sdn. Bhd., dengan pelaburan berjumlah RM2.04 bilion, sedang membesarkan kapasiti pengeluaran methanol.
- Toray Plastics dari Jepun dengan penambahan pelaburan sebanyak RM450 juta untuk membesarkan pengeluaran ‘acrylonitrile-butadiene-styrene (ABS) resin’ dengan memperkenalkan ‘speciality grades’ menerusi kejuruteraan plastik.

Produk elektrik dan elektronik

Projek-projek utama yang diluluskan ialah:

- Projek baru usahasama antara Malaysia dan Singapura menerusi DSEM Systems Technology Sdn. Bhd. dengan pelaburan berjumlah RM482.5 juta bagi mengeluarkan ‘thermal substrate’ untuk semikonduktor. Projek ini juga melibatkan penyelidikan dan pembangunan ‘substrates’.

- Projek baru dengan pelaburan sebanyak RM125 juta oleh Laird Technologies (M) Sdn. Bhd. bagi rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran transmisi tanpa wayar dan peralatan komunikasi.
- Projek baru dengan pelaburan berjumlah RM121.6 juta oleh Christel Technologies (M) Sdn. Bhd. bagi melaksanakan rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran 'global system mobile (GSM)' dan sistem peralatan 'voice over internet (VoIP)'.
- Sebuah projek pembesaran oleh STMicroelectronics Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion untuk menghasilkan 'advanced packaged ICs'. Syarikat ini memulakan operasinya pada tahun 1976 dan sehingga kini jumlah keseluruhan pelaburan telah mencecah RM4.1 bilion.
- Sebuah projek pembesaran oleh Fuji Electric (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan pelaburan RM1.3 bilion bagi menghasilkan 'thin-film magnetic disks' dan 'polished substrates' untuk pemacu cakera keras.
- Sebuah projek pembesaran oleh Penang Seagate Industries (M) Sdn Bhd dengan pelaburan berjumlah RM790 juta untuk mengeluarkan 'advanced magnetic recording devices', 'perpendicular magnetic recording (PMR) heads'.
- Sebuah projek pembesaran oleh Dyson Manufacturing Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang berpengkalan di UK, dengan jumlah pelaburan RM489.7 juta. Syarikat ini telah membuat penyumbaran luar operasi pengilangannya

kepada pengilang tempatan dan akan mengembangkan keupayaan sebenar pengilangannya termasuk rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran 'cyclonic vacuum cleaners'.

- Sebuah projek pembesaran oleh Smart Modular Technologies Sdn. Bhd. dengan pelaburan berjumlah RM249.9 juta bagi menghasilkan peralatan memori dan komunikasi. Sebuah anak syarikat Smart Modular Technologies Inc., Amerika Syarikat, syarikat ini menjalankan rekabentuk, pengilangan, 'testing' dan penghantaran produk standard dan 'custom modular technologies' bagi penyelesaian produk memori dan komunikasi.
- Sebuah projek pembesaran oleh Plexus Manufacturing Sdn. Bhd. dengan pelaburan RM245 juta untuk menghasilkan 'PCB assemblies', dan pengeluaran peralatan telekomunikasi termasuk peralatan penjaringan (networking equipment) dan peralatan-peralatan perubatan.

Kimia dan Produk Kimia

Antara projek-projek penting yang diluluskan ialah:

- CCM Agriculture Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM77 juta bagi menghasilkan baja campuran.
- 83 projek biodiesel telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM7.6 bilion.

Produk Logam Asas

Projek utama yang diluluskan ialah:

- Projek baru milik penuh rakyat asing oleh Grange Developments Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM2.1 bilion untuk menghasilkan 'iron ore pellets'. Projek ini merupakan yang pertama sepertinya di Malaysia.
- Projek baru milik majoriti rakyat asing oleh Metalysis Malaysia Sdn. Bhd. dengan pelaburan berjumlah RM60 juta bagi mengeluarkan 'super capacitor grade tantalum powder'.

Pengilangan Mesin

- Euromould Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Simoldes Group dari Portugal, salah sebuah pembuat acuan otomotif, dengan pelaburan sebanyak RM352.5 juta akan menghasilkan acuan penyuntikan plastik dengan berat sebanyak 10-100 tan.
- Entegris (Malaysia) Sdn. Bhd., sebuah projek pembesaran/pelbagai, dengan pelaburan berjumlah RM150 juta, telah diluluskan bagi mengeluarkan penapis dan pembersih untuk mengelakkan daripada pencemaran mikro cecair dan gas yang digunakan dalam proses fabrikasi wafer.
- Muehlbauer Technologies Sdn. Bhd., sebuah syarikat Jerman yang merupakan peneraju pasaran dunia dalam menyediakan penyelesaian 'turnkey' yang lengkap dalam industri pengenalan pintar akan melabur RM63.4 juta bagi

menghasilkan mesin dan peralatan untuk industri semikonduktor, industri kad pengenalan pintar dan dokumen dan industri label pintar (RFID).

- Pentamaster Instrumentation Sdn. Bhd., sebuah projek pembesaran/pelbagai, dengan pelaburan sebanyak RM43.5 juta, untuk membangunkan dan menghasilkan sistem pengujian dan pengukuran untuk industri E&E.

Mesin dan Peralatan Khusus (Specialised M&E) untuk Industri Minyak dan Gas

- Cameron International Systems Sdn Bhd, syarikat milik penuh Cooper Cameron Holding (Cayman) Limited dari USA, dengan pelaburan sebanyak RM70.5 juta, bagi pengeluaran, pemasangan permulaan 'subsea wellheads', 'christmas trees', sistem penghubungan, 'manifolds' dan perkakasan. Kemudahan pengilangan di Malaysia akan menjadi hab pengeluaran serantau untuk sistem 'subsea' bagi Cameron Group di Asia.
- AJ Petroleum Sdn. Bhd., syarikat milik penuh rakyat Malaysia, dengan pelaburan sebanyak RM36.1 juta untuk mengeluarkan 'valves', 'surface wellheads' dan 'christmas tree', 'down hole toolings' dan peralatan untuk industri minyak dan gas.

Pertubuhan Serantau

Ibu Pejabat Operasi (OHQs)

- Eppendorf AG dari Jerman dalam industri sains hayat merupakan peneraju global dalam penghasilan dan pembekalan 'specialised research tools' telah memilih

Malaysia sebagai lokasi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelarasannya di Asia.

- SBM Group dari Switzerland telah menubuhkan Ibu Pejabat Operasi di Malaysia untuk menyokong operasi minyak dan gas di Amerika, Belanda dan Switzerland. SBM merupakan perintis bagi sistem ‘Single Point Mooring (SPM)’, ‘dynamically positioned drilling vessels’, ‘jack-up drilling rigs’ dan ‘heavy offshore cranes’.
- Aker Kvaerner Group, pembekal global yang berpengkalan di Norway yang bagi perkhidmatan kejuruteraan dan pembinaan, produk berteknologi dan penyelesaian bersepadu, akan menubuhkan pusat penyelarasan dan sumber sehenti untuk penyelesaian bagi menyediakan perkhidmatan serupa (common) bagi entiti berkaitan di Singapura, Thailand, Indonesia, Australia dan Malaysia.
- Nippon Electric Glass, peneraju dunia dalam pengeluaran produk kaca terkhusus berteknologi tinggi, telah menempatkan semula Ibu Pejabat Serantaunya dari Jepun ke Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan nilai ditambah kepada entiti berkaitan di UK, Indonesia dan Republik Rakyat China.
- IBA Health (Asia) Sdn. Bhd., anak syarikat IBA Health Ltd. dari Australia merupakan syarikat terbesar bagi teknologi maklumat kesihatan di Asia, Timur tengah dan Australasia.
- Volvo Car Malaysia Sdn. Bhd. telah menaik taraf Pejabat Serantaunya di Malaysia kepada Ibu Pejabat Operasi.

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs)

- Titan Trading Corp. Sdn Bhd., anak syarikat Titan Chemical Corp. Bhd., sebuah entiti pengilangan di Malaysia, yang terlibat dalam pengeluaran produk polimer telah menubuhkan Pusat Perolehan Antarabangsa bagi mengukuhkan aktiviti-aktiviti perolehan dan pengedarannya di rantau ini.
- MC Palm IPC (Malaysia) Sdn. Bhd., pertubuhan baru oleh ‘sogo shosha’ terbesar di Jepun iaitu Mitsubishi Corporation, akan mengambil alih fungsi pusat perolehan serantau daripada entiti berkaitan di Singapura dan Jepun untuk perolehan dan pengagihan minyak sawit dan minyak isirung sawit.

Pusat Pengedaran Serantau (RDCs)

- EPCOS AG dari Jerman, yang merupakan peneraju pasaran di Eropah dan kedua di dunia bagi komponen elektronik pasif, telah menempatkan semula pusat pengedaran serantaunya dari Singapura ke Malaysia. Pusat Pengedaran Serantau ini, akan menyelaraskan aktiviti pengedaran untuk operasi-operasinya di Jerman, Austria, Singapura, Hong Kong, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat.
- The Acerinox Group, yang merupakan pengeluar besi ketiga terbesar di dunia, akan memperkuuh dan mengagihkan produk besi tahan karat milik kumpulannya ke rantau Asia Pasifik.

